

Berbakti kepada al-Quran

Al-Quran merupakan kitab Allah yang menjadi panduan kepada seluruh manusia



BicaraQiraat

Oleh **KHAIRUL ANUAR MOHAMAD**

PENGAJIAN terhadap sejarah kehidupan ulama dalam bidang al-Quran dan penghayatan mereka terhadap al-Quran menginsafkan diri sendiri betapa jauhnya diri dengan al-Quran. Mereka menghabiskan banyak masa dengan al-Quran sama ada dalam pengajaran atau penulisan.

Syeikh Amir Sayyid Uthman umpamanya merupakan tokoh yang amat disegani dalam ilmu al-Quran pada zaman beliau. Diceritakan bahawa di mana sahaja kamu berjumpa dengan Syeikh Amir pasti kamu akan dapati ada seseorang di sampingnya sedang membaca al-Quran bertalaqqi daripadanya. Walaupun ketika beliau sedang menunggu teksi atau dalam kapal terbang pasti ada seorang murid membaca al-Quran di sisi beliau.

Ulama silam menghabiskan masa dengan menjadi khadam kepada al-Quran. Mulut mereka selalu membaca al-Quran walau di mana sahaja berada. Perkara ini amat berlainan dengan adat masyarakat kita yang selalu membaca al-Quran dalam program tertentu sahaja. Bahkan pada hari Jumaat, al-Quran tersimpan dengan rapi di rak-rak dalam ruangan masjid tanpa disentuh. Orang yang membacanya akan dipandang dengan pandangan yang pelik.

Berlainan pula pemandangan dengan

Ulama silam menghabiskan masa dengan menjadi khadam kepada al-Quran. Mulut mereka selalu membaca al-Quran walau di mana sahaja berada

masjid-masjid di Tanah Arab, terutamanya di Masjid Nabi dan Masjidil Haram Mekah. Satu jam sebelum khutbah semua rak-rak al-Quran kosong kerana al-Quran berada di tangan pembacanya. Orang yang datang lewat akan membawa al-Quran sendiri yang bersaiz poket. Dan orang yang tidak membaca al-Quran akan merasa aib dan malu kerana tidak membaca al-Quran lantaran semua orang membaca al-Quran.

Pada awal 80-an seorang tokoh ulama bernama Syeikh Abdul Fattah al-Mirsafi pergi ke Madinah al-Munawwarah sebagai pensyarah di Kuliah al-Quran, Universiti Islam Madinah. Beliau amat alim dalam bidang Qiraat dan al-Quran menghasilkan karang yang menjadi rujukan dalam ilmu tajwid iaitu *Hidayah al-Qari Ila Tajwid Kalam al-Bari*.

Syeikh al-Mirsafi menjadi tumpuan pelajar untuk talaqqi al-Quran dan qiraat. Selepas sesi pengajaran di universiti, ramai pelajar berkunjung ke rumahnya untuk bertalaqqi al-Quran. Sehingga dikatakan rumahnya sesak dengan pelajar dan mereka membaca seorang demi

seorang sehingga lewat malam. Malah ketika beliau menjamah makanan ada pelajar yang membaca di sisi Syeikh al-Mirsafi.

Sudah menjadi ketentuan Ilahi akan menghabiskan riwayat seseorang mengikut amalnya. Ibarat seorang guru yang berpesan kepada muridnya jika lori yang membawa sayur kemalangan maka bertaburanlah sayur di atas jalan dan jika lori yang membawa najis kemalangan maka bertaburanlah najis di jalan dan mustahil berlaku sebaliknya.

Syeikh al-Mirsafi yang menghabiskan masa harian beliau dengan mengajar al-Quran telah meninggal dunia ketika beliau mendengar al-Quran daripada bacaan seorang pelajarnya yang bernama Syeikh Bilal. Ketika Syeikh Bilal khusyuk membaca surah al-Mulk juzuk 29 pada ayat 12 yang bermaksud: *Sesungguhnya orang yang takut dengan Tuhan mereka tanpa melihatnya bagi mereka keampunan dan ganjaran yang besar.* Syeikh Mirsafi rebah dan meninggal dunia.

Lantaran itu, marilah sama-sama kita berbakti kepada al-Quran yang merupakan kitab Allah panduan kepada seluruh manusia. Membacanya membawa kepada rahmat dan mendapat ganjaran yang besar di sisi Allah SWT.

Peluang mendapat rahmat Allah SWT terbentang luas di hadapan kita, tepuk dada tanyalah iman. Semoga amalan yang kita lakukan itu memungkinan kita termasuk dalam kalangan ahli al-Quran sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah SAW.

■ PENULIS ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).